
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HMT 327 – WACANA DAN PRAGMATIK

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan DUA soalan di Bahagian B.

1. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] 'Pragmatik ialah cabang linguistik yang mengkaji aspek makna yang diperoleh daripada konteks sesuatu ujaran' (Trask, R. L. 1997:174). Bincangkan.

[8 markah]

[b] Berdasarkan Mey, J. L. (1993):

[i] Jelaskan DUA perkara asas dalam analisis perbualan.

[10 markah]

[ii] Huraikan 'metapragmatik' dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

[7 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut dengan menggunakan **DATA 1**.

DATA 1	
<p style="text-align: center;">TEKS A</p> <p>“Kami nak tulis kisah anak-anak yatim ni dalam surat khabar”</p> <p>“Heh... tak usahlah. Malu Mak Som. Cerita orang miskin buat apa nak tulis... heh... malu Mak Som,” katanya bersungguh-sungguh. Hussain pula sibuk mengambil gambar Mak Som dan cucunya.</p> <p>Heh... buat apa digambar... tak usah, tak usah... Mak Som ni buruk, dah tua. Baju budak ni pun tak ada yang betul...., Mak Som membetulkan baju Noni yang tak berbutang.</p> <p>“Kami ingin menolong budak-budak ni. Mana tahu kalau tersiar dalam surat khabar nanti ada orang yang ingin membantu. Bolehlah budak-budak ni bersekolah balik....,” pujuk Mastura. Mak Som terdiam. Dia sedar akan keadaan cucu-cucunya yang tidak bersekolah. Selama ini tidak ada siapa yang membantu. Dialah sendiri yang bersusah payah membuat kuih untuk jualan.</p> <p>“Ayah budak-budak ni bila meninggalnya?”</p> <p>“Dua...dua tahun dulu.”</p> <p>“Sakit apa?”</p> <p>Sumber: Khadijah Hashim.1987. Bila dan Di Mana, ms:91</p>	<p style="text-align: center;">TEKS B</p> <p>Sempena hari kemerdekaan ke-50 Malaysia, Bank Rakyat dan Produa telah menyediakan ‘Skim Eksklusif Merdeka’ untuk anda memiliki Produa Viva terbaru. Kami berbesar hati menawarkan skim yang akan menjadikan impian anda memiliki Produa Viva, suatu realiti.</p> <p>Skim Eksklusif Merdeka kami membolehkan anda untuk menikmati:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman 100% tanpa bayaran pendahuluan. • Kadar faedah rendah dari 3% hingga 3.75% untuk pinjaman 90% atau 4.05% hingga 4.25% untuk pinjaman 100%. • Pinjaman peribadi pralulus (Hanya kepada pelanggan yang layak sahaja). • Percuma – Perlindungan Kemalangan Diri oleh Takaful Ikhlas berjumlah RM100,000 untuk 3 tahun. • Percuma – servis selama setahun atau 20,000km termasuk kos upah, alat ganti, dan minyak enjin bernilai RM350.00. <p>Sumber: Sedutan daripada brosur yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat</p>

[a] Jelaskan hal yang membezakan antara **TEKS A** dan **TEKS B**.

[8 markah]

[b] Bincangkan cara ciri linguistik ditentukan oleh konteks di dalam **TEKS A** dan **TEKS B**, dan berikan tujuan ciri tersebut diwujudkan.

[17 markah]

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana DUA soalan.

3. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian, berikan definisi bagi setiap yang berikut:

- [i] Deiksis
- [ii] Etnometodologi
- [iii] Koheren
- [iv] Lakuan bahasa
- [v] Presuposisi

[10 markah]

[b] Bincangkan DUA daripada fenomena dalam 3[a[i-v]] di atas, dengan menggunakan **DATA 2**.

[15 markah]

DATA 2

Perbualan (dan pertukaran percakapan pada umumnya) biasanya ialah jujukan ungkapan yang berstruktur oleh lebih daripada seorang penutur. Struktur ini jarang sekali secara sadar ketara kepada penutur. Walau bagaimanapun, kita hanya perlu mengingat kembali perbualan yang 'salah' dari satu segi, supaya dapat menyedari prinsip perbualan yang telah kita kuasai. Walaupun struktur perbualan (dan pertukaran perbualan yang lain) belum lagi diperikan secara menyeluruh, dan untuk masa kini sedang diselidik secara giat, maka di sini kita boleh meringkaskan sesetengah sifat umumnya. Pertama, beberapa orang yang munasabah jumlahnya boleh mengambil bahagian, dan ada prinsip yang menentukan bagaimana dan bila peserta itu boleh mengambil giliran mereka. Kedua, ada prinsip yang membuat aspek tertentu perbualan itu wajib dari segi sosial, seperti berkata apa khabar atau selamat tinggal.

Sumber: Diubahsuai daripada Adrian Akmajian et al. 1997. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. ms: 383.

4. Jawab soalan [a] dan [b] berdasarkan **DATA 3**.

DATA 3

Di atas runtuhannya Melaka lama
Penyair termenung seorang diri
Ingat Melayu kala jayanya
Pusat kebesaran nenek bahari

Di sini dahulu Laksamana Hang Tuah
Satria moyang Melayu sejati
Jaya perkasa gagah dan mewah
"Tidak Melayu hilang di bumi"

Di sini dahulu payung berkembang
Megah Bendahara Seri Maharaja
Bendahara cerdik tumpuan dagang
Lubuk budi laut bicara

Pun banyak pula penjual negeri
Mengharap emas perak bertimba
Untuk keuntungan diri sendiri
Biarlah bangsa menjadi hamba.

Inilah sebab bangsakan jatuh
Baik dahulu atau sekarang
Inilah sebabnya kakinya lumpuh
Menjadi budak jajahan orang.

Sumber: Diubahsuai daripada Hamka. 2001. Transformasi Sosial Di Alam Melayu: Seminar Pemikiran Hamka Ke-2 Julai 2001, ms: 33.

[a] Huraikan DUA cara memproses wacana berdasarkan Nunan, D. (1993) **atau** Cook, G. (1989).

[10 markah]

[b] Berdasarkan Nunan, D. (1993:21-48), bincangkan **DATA 3** daripada aspek yang berikut:

[i] Struktur maklumat

[5 markah]

[ii] Tema dan Rima

[10 markah]

5. Jawab soalan [a] – [c] berikut dengan menggunakan **DATA 4** yang diberikan.

DATA 4

Mengenal pasti masalah penyelidikan ialah satu proses yang sukar, terutama sekali dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana mereka tidak biasa dengan dunia penyelidikan. Dalam hal tersebut, Tuckman (1978) menjelaskan bahawa mengenal pasti masalah penyelidikan merupakan langkah yang paling sukar dalam keseluruhan proses penyelidikan. Tanggapan tersebut ada kebenarannya apabila penyelidik, khususnya pelajar dan para penyelidik baru menghadapi masalah semasa memilih tajuk penyelidikan. Adakalanya, para pelajar di universiti terpaksa membuang masa sehingga beberapa semester kerana tidak menemui tajuk atau masalah penyelidikan yang sesuai untuk dikaji atau mengubah tajuk penyelidikan.

Pemilihan masalah penyelidikan banyak bergantung kepada minat dan pertimbangan nilai seseorang. Di sinilah penyelidikan yang dianggap sebagai kaedah saintifik tidak begitu bersifat saintifik. Penyelidik harus bertanya kepada diri sendiri adakah penyelidikan yang dicadangkan dapat menyelesaikan suatu masalah yang khusus dan yang boleh ditakrifkan. Manakala penyelesaiannya pula dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu pengetahuan. Selain itu, masalah yang hendak dikaji mestilah boleh diselesaikan secara ekonomi dalam tempoh munasabah. Masalah boleh didapati daripada teori, pengamatan, pertimbangan fakta dan imaginasi.

Ilham untuk mendapat tajuk atau masalah kajian mungkin diperoleh daripada beberapa sumber:

- Membaca surat khabar misalnya ruangan rencana pengarang atau laporan berita.
- Melalui berita radio atau televisyen.
- Pembacaan jurnal, buku atau majalah.
- Perbualan dengan pelajar, pekerja, bekas penagih dadah dan lain-lain.
- Pemerhatian yang dilakukan.
- Mendengar cerita.

Sumber: Diubahsuai daripada Sidek Mohd Noah. 2007. Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis. ms: 13 - 14.

- [a] Huraikan TIGA jenis wacana yang terdapat di dalam **DATA 4** di atas.

Gunakan contoh anda sendiri untuk setiap penghuraian.

[6 markah]

- [b] Dengan menggunakan perspektif berkaitan 'Pengetahuan Am Struktur Sosial: Interpretasi Kaedah Dokumentari' oleh Garfinkel, H. (1967: 76-103). Bincangkan **DATA 4**.

[11markah]

- [c] Berikan EMPAT ciri penting sebuah wacana yang terdapat dalam **DATA 4**.

[8 markah]